

Surat khabar: Berita Harian
Hari/Tarikh: 21/04/2012/ Ahad
Muka surat: 4

Tajuk : Pelajar wanita kuasai IPT

-Kerajaan pastikan mereka pegang jawatan pembuat keputusan

4

SARAWAK

Sabtu

21 April 2012

BERITA HARIAN



FATIMAH pada Program Pengarah Wanita Di Sarawak, semalam.

Pelajar wanita kuasai IPT

Kerajaan pastikan mereka pegang jawatan pembuat keputusan

Oleh Micheal Sering
bhnews@bharian.com.my

KUCHING: Lebih 60 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini adalah wanita, majoriti di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah, berkata UiTM Sarawak pada 2012 sudah mempunyai 3,984 pelajar wanita atau 61.93 pe-

ratus daripada keseluruhan pelajar manakala di UNIMAS, ada 6,500 pelajar wanita atau 68 peratus daripada keseluruhan pelajar.

"Berikutnya bilangan pelajar wanita lebih ramai di IPT ketika ini, kerajaan akan berusaha memastikan wanita yang mempunyai kelebihan akademik dan kemahiran diberikan peluang memegang jawatan pembuat keputusan.

"Kerajaan Pusat sendiri menggalakkan 30 peratus penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan di negara ini menjelang 2016. Sarawak

juga komited melakukan perkara sama bagi mencapai sasaran itu," katanya ketika merasmikan Program Pengarah Wanita Di Sarawak, di sini semalam.

Program itu bertujuan meningkatkan kesedaran wanita yang bekerja di sektor swasta dan majikan mereka mengenai kepentingan usaha kerajaan menggalakkan 30 peratus penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan menjelang 2016.

Fatimah berkata, bagi mencapai sasaran itu, pihaknya akan memastikan pelabur, syarikat korporat

dan pertubuhan perkhidmatan profesional menyokong usaha berkenaan dan melaksanakan inisiatif disarankan.

"Antaranya adalah pengurus syarikat menetapkan peratusan wanita dalam lembaga pengarah manakala ketua pegawai eksekutif mengkaji peratusan wanita disasarkan dalam jawatankuasa eksekutif. Syarikat perlu mengemukakan bilangan wanita dalam lembaga pengarah, eksekutif kanan dan jumlah keseluruhan kakitangan wanita setiap tahun," katanya.